

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PORT DICKSON ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PORT DICKSON ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan masih tidak mengungklai 6 Ordinan Darurat yang telah berkuat kuasa sehingga kini.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Proklamasi Darurat dilaksanakan bagi membolehkan Ordinan dimasyhurkan di bawah Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan kuasa-kuasa perlu untuk mengekang dan menghalang daripada berlakunya penularan wabak COVID-19 dengan lebih serius di negara ini.

Ordinan-Ordinan yang telah dibuat di bawah Proklamasi Darurat adalah:

- i. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021  
[P.U. (A) 12/2021];

## NO. SOALAN : 25

- ii. Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 76/2021*];
- iii. Ordinan Darurat (Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 77/2021*];
- iv. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (No.2) 2021 [*P.U. (A) 110/2021*];
- v. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 151/2021*];
- vi. Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 173/2021*]; dan
- vii. Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 [*P.U. (A) 186/2021*].

Pada masa yang sama, mekanisme pengurusan darurat juga telah diwujudkan bagi memantau pelaksanaan dan pengurusan darurat melalui 3 platform iaitu:

- i. Sidang Darurat Majlis Keselamatan Negara;
- ii. Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat; dan
- iii. Kumpulan-kumpulan Kerja Pengurusan Darurat.

Dalam hal ini, usul untuk mengungkaikan kesemua Ordinan ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2021 yang lalu. Namun, Kerajaan akan memastikan pengungkapan tujuh (7) Ordinan ini tidak akan menjejaskan pengawalan ancaman pandemik COVID-19 demi kesejahteraan rakyat, keselamatan dan ketenteraman awam serta pemulihan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.